

## **Sepintas**

### **KUALA LUMPUR**

#### **Terowong SMART ditutup**

**T**erowong SMART ditutup kepada lalu lintas sejak 6 petang kelmarin bagi membolehkan pengoperasian sistem banjir selepas hujan lebat melanda ibu negara.

Syarikat Mengurus Air Banjir dan Terowong (SMART) dalam satu kenyataan semalam, menyebut pengguna jalan raya diminta bersabar dan memberi kerjasama serta perhatian mengenai pengumuman penutupan melalui papan litar maklumat (VMS), media dan radio.

Orang ramai boleh menghubungi talian bantuan SMART di 1 300 88 7188 untuk sebarang pertanyaan. – Bernama